



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PELUNCURAN PENGANJURAN MESYUARAT-MESYUARAT ASEAN 2025

PUTRAJAYA, 13 Januari 2025 – Majlis Peluncuran Penganjuran Mesyuarat – Mesyuarat Tenaga ASEAN 2025 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) pada 13 Januari 2025 (Selasa) bertempat di Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Putrajaya.

Malaysia secara rasminya telah menjadi Pengerusi ASEAN pada 1 Januari 2025 dengan tema "**Powering ASEAN: Bridging Boundaries, Building Prosperity**". Sehubungan itu, PETRA akan mempengerusikan tiga (3) mesyuarat utama Sektor Tenaga iaitu *Special Senior Officials Meeting on Energy* di Langkawi, Kedah pada 22 hingga 24 Januari 2025, *Senior Officials Meeting on Energy* di Kuching, Sarawak pada 16 hingga 20 Jun 2025 dan *ASEAN Ministers of Energy Meeting* di Kuala Lumpur pada 22 hingga 26 September 2025.

Di bawah Kepengerusian ASEAN Malaysia 2025, PETRA menetapkan dua Keberhasilan Ekonomi Keutamaan atau *Priority Economic Deliverables* (PED) berkaitan tenaga iaitu *ASEAN Plan of Action for Energy Cooperation* (APAEC) 2025, Fasa 1: 2026 hingga 2030 dan *ASEAN Power Grid* (APG) *Enhanced Memorandum of Understanding*

(MOU). Dua dokumen dasar ini adalah penting untuk memastikan kerjasama yang berterusan dalam kalangan negara anggota ASEAN bagi membangunkan industri tenaga ke arah jaminan bekalan dan kemampanan tenaga di rantau ASEAN.

Inisiatif APG akan diberi fokus dalam semua mesyuarat berkaitan pada kali ini dengan objektif untuk memuktamadkan dokumen *APG Enhanced MOU* pada tahun 2025. Kandungan MOU ini antara lain akan memberi penekanan untuk meningkatkan keupayaan infrastruktur talian penghantaran tenaga elektrik dalam kalangan negara ASEAN supaya lebih banyak tenaga elektrik, terutamanya tenaga berasaskan sumber bersih seperti hidro, solar dan angin dapat diperdagangkan rentas sempadan. Usaha ini secara langsung dapat mengoptimalkan penggunaan sumber tenaga bersih, menjamin bekalan tenaga kepada rakyat dan memanfaatkan negara-negara di rantau ASEAN.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

13 JANUARI 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

